

D444

B B850 AAB
UMNO-MAHATHIR RRRRR

KUALA LUMPUR, 24 APRIL (BERNAMA) -- PRESIDEN UMNO DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD BERKATA FALSAFAH UMNO KINI TERGUGAT DAN TIDAK LAGI DAPAT MENJAMIN KEJAYAAN PARTI SETELAH ADA DARIPADA ANGGOTA PARTI MEMILIH UNTUK MEMBELAKANGI TRADISI DAN MENDAHULUKAN CITA-CITA SENDIRI DARIPADA CITA-CITA BANGSA.

FALSAFAH UMNO YANG DIANUTI SELAMA INI TELAH MEMBOLEHKAN PARTI MEMBAWA KEBAHAGIAAN DAN KESEJAHTERAAN KEPADA RAKYAT DAN NEGARA, KATANYA DALAM UCAPAN DASARNYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG KE-38 UMNO DI DEWAN MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA, DI SINI HARI INI.

KATANYA KERANA UMNO TIDAK TERLALU EKSTRIM, PARTI TELAH DAPAT MEMBENTUK SATU RANGKA KERJASAMA DENGAN KAUM-KAUM LAIN DAN PARTI-PARTI POLITIK DI MALAYSIA.

+UMNO MENGUTAMAKAN KEAMANAN DAN TIDAK SUKA KEPADA KETERLALUAN. UMNO MENGHORMATI DAN MEMEGANG KUAT KEPADA KONSEP DAN AMALAN SISTEM DEMOKRASI BERPARLIMEN DAN RAJA BERPERLEMBAGAAN,+ TEGASNYA.

PERDANA MENTERI BERKATA UMNO MENCAPAI PELBAGAI KEJAYAAN BUKAN SEMATA-MATA KERANA PARTI MERUPAKAN SEBUAH PERTUBUHAN YANG BERSEMANGAT KEBANGSAAN TETAPI KERANA FALSAFAHNYA YANG SESUAI UNTUK NEGARA YANG MAJMUK SEPERTI MALAYSIA. -- LAGI

1002MST 24 04 87

U B851 AAB
UMNO-MAHATHIR 2 KUALA LUMPUR RRRRR

+FALSAFAH UMNO AMAT SESUAI UNTUK PEMERINTAHAN SEBUAH NEGARA BERBILANG KAUM. UMNOLAH YANG MEMBERI KESTABILAN KEPADA NEGARA MALAYSIA INI.

+SELAGI UMNO KUAT DAN KUKUH, KEUPAYAAN UMNO MENGATASI MASALAH TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN,+ TEGAS DATUK SERI DR MAHATHIR.

UCAPAN 45 MINIT BELIAU DIKUTI OLEH 2,929 ORANG PERWAKILAN DAN PEMERHATI YANG MEMENUHI DEWAN MERDEKA DENGAN TENANG DAN MEMBERIKAN TEPUKAN SEKALI SEKALA APABILA DATUK SERI DR MAHATHIR MENYENTUH SESUATU ISU YANG PENTING BAGI MASA HADAPAN UMNO.

TEGASNYA FALSAFAH PERJUANGAN UMNO TIDAK ADA TOLOK BANDINGNYA, MALAH IA TIDAK BOLEH DIPERTIKAIKAN KHUSUSNYA DALAM MEMBANTU DAN MELINDUNGI BUMIPUTERA, KHASNYA ORANG-ORANG MELAYU.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, MASALAH PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO IALAH SEMENTARA MINAT UNTUK +MEMELUK GUNUNG ADA, TETAPI APAKAN DAYA TANGAN TAK SAMPAI.+

+SEPERTI SELIMUT YANG PENDEK, MENUTUP DADA MENDEDAHKAN PEHA, MENUTUP PEHA MENDEDAHKAN DADA. TELAN MATI EMAK, LUAH MATI BAPA. MASALAH INI AKAN MENYERANG SESIAPA JUGA YANG MEMIMPIN UMNO,+ KATA BELIAU.-- LAGI

1008MST 24 04 87

U B853 AAB
UMNO-MAHATHIR 3 KUALA LUMPUR

KATANYA SEGALA-GALA YANG DINIKMATI SEKARANG ADALAH HASIL PERJUANGAN UMNO -- SAMA ADA DALAM MENANGKIS MALAYAN UNION, MENCAPAI KEMERDEKAAN, MENGISI KEMERDEKAAN DENGAN PEMBANGUNAN MAHUPUN DALAM MENINGKATKAN EKONOMI DAN PELAJARAN ORANG-ORANG MELAYU.

BAGAIMANAPUN, BELIAU MENGAKUI PADA SATU KETIKA NEGARA MENGHADAPI PELBAGAI MASALAH DAN DUGAAN SEJAK MENCAPAI KEMERDEKAAN TERMASUK KONFRANTASI NEGARA JIRAN TERHADAP MALAYSIA DAN PARTI PAP, SEMASA SINGAPURA DALAM MALAYSIA, MENGUGUT KETENTERAMAN DENGAN SLOGAN +MALAYSIAN MALAYSIA+NYA.

SELAIN DARIPADA ITU, PAKISTAN MEMUTUSKAN HUBUNGAN DIPLOMATIK DENGAN MALAYSIA KERANA SOKONGAN TERHADAP INDIA DAN MALAYSIA DIANGGAP NEO-KOLONIOLIS KERANA MENYOKONG KUASA-KUASA BARAT.

DALAM NEGERI PULA, KELANTAN MENGUGUT MENARIK DIRI DARI PERBEKUTUAN, SARAWAK MENOLAK KUASA PUSAT DAN SABAH BERGELORA APABILA SEBILANGAN PENDUDUKNYA MENGUGUT UNTUK KELUAR DARI MALAYSIA KERANA PENYINGKIRAN SINGAPURA.

DI SAMPING ITU, PENGGANAS KOMUNIS TERUS MENGGANAS SELEPAS MERDEKA SEPERTI PEMBUNYAN KE ATAS KETUA POLIS NEGARA DI KUALA LUMPUR DAN KETUA POLIS PERAK DI IPOH DAN RUSUHAN KAUM PADA 1969 . -- LAGI

1042MST 24 04 87

U B855 AAB
UMNO-MAHATHIR 4 KUALA LUMPUR

+TETAPI NEGARA YANG DITERAJUI OLEH PEMIMPIN-PEMIMPIN UMNO, NEGARA YANG KERAJAAN MEMPUNYAI UMNO SEBAGAI TERAS KERAJAAN CAMPURAN TELAH BERJAYA MENGATASI SEMUA MASALAH INI+.

+SEMUA PERISTIWA BURUK MENJADI PERISTIWA SEMENTARA, BERKATA KECEKAPAN UMNO YANG MENERAJUI KERAJAAN,+ TEGASNYA.

DATUK SERI DR MAHATHIR MENARIK PERHATIAN AKAN KENYATAAN ALLAHYARHAM TUN DR ISMAIL YANG BERKATA APABILA GENERASI SELEPAS MERDEKA DEWASA, MEREKA AKAN MENIMBULKAN MASALAH KERANA TIDAK TAHU PAHIT MAUNG PERJUANGAN UNTUK KEMERDEKAAN.

ALLAHYARHAM JUGA PERNAH BERKATA GOLONGAN MUDA ITU AKAN MENGANGGAP KEMERDEKAAN DAN SEGALA NIKMAT DARIPADANYA SEBAGAI PERKARA BIASA. MEREKA JUGAAKAN MEMPUNYAI PENGHARAPAN YANG TINGGI.

PERDANA MENTERI BERKATA APA YANG DIPERKATAKAN OLEH ALLAHYARHAM ADALAH BENAR TETAPI ALLAHYARHAM TIDAK MENDUGA SEMUA MASALAH YANG AKAN MENYERANG UMNO.

+OLEH KERANA GENERASI MUDA PERLU DIBERI TEMPAT DALAM UMNO, MAKA TERKECEWALAH BEBERAPA AHLI YANG LEBIH AWAL MENYERTAI UMNO,+ KATANYA. --LAGI

1052MST 24 04 87

U B859 AAB
UMNO-MAHATHIR 5 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR MENINGATKAN BAHAWA UMNO SEBAGAI KUMPULAN YANG TERPENTING DALAM MASYARAKAT MELAYU TIDAK BOLEH MENGEQUALIKAN DIRI DARIPADA TERLIBAT DENGAN PERUBAHAN DAN NASIB BANGSA MELAYU.

KATANYA PENUBUHAN UMNO ITU SENDIRI DAN PERLEMBAGAANNYA MENGIKTIRAF DAN MENGAKUI TANGGUNGJAWAB UMNO DALAM MENENTUKAN NASIB BANGSA MELAYU, AGAMA ISLAM DAN NEGARA.

BELIAU MENAMBAH KATA MARUAH BANGSA MELAYU TIDAK BOLEH DIPERTAHANKAN SEMATA-MATA DENGAN MEMINTA SUPAYA ORANG LAIN TIDAK MENGHINANYA, SEBALIKNYA HENDAKLAH BANGSA MELAYU SENDIRI MEMBUKTIKAN BAHAWA IA MEMPUNYAI SIFAT-SIFAT YANG MULIA DAN BERJAYA.

MENURUTNYA ORANG-ORANG MELAYU BERJAYA DALAM BIDANG POLITIK TETAPI PENCAPAIANNYA DALAM BIDANG AGAMA, SOSIAL DAN EKONOMI BELUM BEGITU MEMUASKAN.

KATANYA KERAJAAN MENGANJURKAN PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM KERANA UMAT ISLAM TIDAK MENGAMALKAN BANYAK DARIPADA AJARAN ISLAM DENGAN BERSIKAP TIDAK MAHU BERSAUDARA, MEMBELAKANGKAN AMANAH, TIDAK TOLERAN DAN TIDAK BEGITU MEMBERI PENGHARGAAN KEPADA KEADILAN. -- LAGI

1103MST 24 04 87

B B862 AAB

UMNO-MAHATHIR 6 KUALA LUMPUR

DALAM BIDANG SOSIAL, ORANG-ORANG MELAYU SERING MEMENCILKAN DIRI DARIPADA ORANG LAIN MENGAKIBATKAN BANGSA MELAYU TIDAK BEGITU BERJAYA MEMPENGARUHI SESIAPA MANAKALA DALAM BIDANG EKONOMI, KAUM BUMIPUTERA HANYA MAMPU MENCAPAI 18 PERATUS ITUPUN KERANA PERANAN AGENSI-AGENSI KERAJAAN, KATA PERDANA MENTERI.

KATANYA KERAJAAN TELAH MENGENALPASTI BEBERAPA KELEMAHAN YANG KETARA PADA SIFAT-SIFAT MELAYU DAN UNTUK MENGATASINYA, KERAJAAN BERCADANG UNTUK MENGADAKAN KURSUS-KURSUS SECARA MENYELURUH UNTUK MENEDDAH DAN MEMPERKENALKAN KEPADA ORANG-ORANG MELAYU SIFAT-SIFAT YANG MENGHALANGI KEJAYAAN MEREKA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA KEM-KEM LATIHAN UNTUK TUJUAN ITU SERTA PELATIH-PELATIH, KURIKULUM DAN BENTUK KURSUS SUDAH DISEDIAKAN. PEMIMPIN POLITIK DAN PEGAWAI TERTINGGI KERAJAAN TELAH PUN MENGIKUTI KURSUS ITU.

KATANYA HASIL DARIPADA KURSUS ITU ADALAH MEMUASKAN DAN DIHARAPKAN AKAN TERLAHIR ORANG-ORANG MELAYU YANG LEBIH CEKAL, LEBIH BERTANGGUNGJAWAB DAN LEBIH DEDIKASI DALAM SEGALA USAHA MEREKA PADA MASA HADAPAN.

+JIKA MAKSUD KURSUS INI DICAPAI, ORANG-ORANG MELAYU KHUSUSNYA, TIDAK AKAN LAGI BERGANTUNG SEMATA-MATA KEPADA KERAJAAN DAN KUASA POLITIK UNTUK MENENTUKAN KEJAYAAN MEREKA. +-- LAGI
1112MST 24 04 87

U B863 AAB

UMNO-MAHATHIR 7 KUALA LUMPUR

PERDANA MENTERI BERKATA SEJARAH AKAN MEMUJI ATAU MENGUTUK ORANG MELAYU MENGIKUT KEJAYAAN ATAU KEGAGALAN MEREKA SEBAGAIMANA SEJARAH TELAH MEMBERI NILAI YANG TINGGI TERHADAP PENCAPAIAN UMNO SEHINGGA HARI INI.

+TERPULANGLAH KEPADA KITA SEMUA UNTUK MENENTUKAN HUKUMAN SEJARAH TERHADAP APA YANG AKAN TERJADI DARI HARI INI SEHINGGA KEPADA DEKAT-DEKAT YANG AKAN DATANG.

+INGATLAH, TIDAK ADA SEORANGPUN DARIPADA KITA, TERMASUK SAYA SENDIRI, YANG PENTING. YANG PENTING IALAH UMNO SEBAGAI SEBUAH BADAN UNTUK MENGUBAH NASIB ORANG-ORANG MELAYU.

+JANGANLAH SEJARAH, JANGANLAH GENERASI YANG AKAN DATANG, JANGANLAH ANAK CUCU KITA MENGUTUK KITA KERANA KITA MEMBENARKAN NAFSU MENGUASAI KITA DAN KITA KECEWAKAN HARAPAN MEREKA, + KATA DATUK SERI DR MAHATHIR. -- BERNAMA

1115MST 24 04 87